

Bil. 2

Rabu

8 Mac 2017



**PENYATA RASMI  
PARLIMEN**  
*Parliamentary Debates*

**KAMAR KHAS**  
*Special Chamber*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**



## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Pilihan  
Pengangkutan Awam Darat**  
– *YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai)* [Halaman 1]
- **Isu Tunggakan Gaji Pekerja Kontrak di Sekolah**  
– *YB. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)* [Halaman 3]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lepar] - PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] - PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titawangsa] - UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] - UMNO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
26. “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – P.R.S., D.I.M.P
30. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP
31. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Devamany A/L S. Krishnasamy – *Senator*
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO

21. Yang Berhormat Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] - UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
44. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] – PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulung] – UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] – UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] – UMNO

52. Yang Berhormat Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
58. “ Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. “ Dato’ Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]

17. Yang Berhormat Datuk Mohd Idris bin Jusri, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]

26. Yang Berhormat Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

**AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (AMANAHAH)**

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

**PSM**

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. " Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

**PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh]

**WARISAN**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna]
2. " Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian bt. Baharudin  
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Noraidah binti Manaf

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Nurul Atikah binti Basrudin  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Rabu, 8 Mac 2017**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)*  
***mempengerusikan Mesyuarat***

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Pilihan  
Pengangkutan Awam Darat**

**2.33 ptg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Parlimen bagi menyelia Pengangkutan Awam Darat. Pengangkutan awam merupakan komponen kritis untuk mengatasi cabaran-cabaran ekonomi dan sosial sesebuah negara. Sistem pengangkutan awam yang lengkap dan efisien mampu mempermudah aliran modal dan buruh ke pasaran, menambah baik produktiviti dan meningkatkan nilai aset perniagaan dan pendapatan individu di kawasan transit. Demi memastikan pelaburan dana dalam pengangkutan awam adalah setimpal dengan perkembangan ekonomi, saya meminta jasa baik Pejabat Perdana Menteri untuk mengizinkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Pengangkutan Awam Darat.

Sejak kebelakangan ini, Malaysia mengalami banyak perubahan dalam landskap pengangkutan awam darat yang memberi kesan yang baik mahupun buruk kepada masyarakat. Justeru, pelbagai isu yang patut disiasat melalui penubuhan Jawatankuasa ini demi memastikan tanggungjawab untuk meningkatkan mobiliti masyarakat didahulukan. Dengan adanya Jawatankuasa ini, beberapa contoh inkuiri yang boleh disegerakan adalah seperti berikut.

Pertamanya, meskipun kadar tambang LRT telah ditingkatkan sejak Disember 2015, kualiti perkhidmatan jelas mampu ditambah baik apabila masalah bekalan elektrik menyebabkan sistem LRT terkandas di laluan Kelana Jaya pada September 2016 Tuan Yang di-Pertua dan juga di laluan Ampang dan Sri Petaling pada Januari 2017. Jawatankuasa ini boleh melancarkan siasatan untuk mengkaji keselamatan sistem LRT dan seterusnya mengesyorkan langkah-langkah tertentu yang menjamin keselamatan. Di sini, kita boleh mengambil pedoman daripada Jawatankuasa Pengangkutan di United Kingdom yang juga mengkaji keberkesanan sistem pengurusan dan penguatkuasaan peraturan demi memastikan keselamatan penumpang dan pekerja sejak September 2016.

Kedua, projek MRT Lembah Klang yang telah dibentangkan dengan kos anggaran RM40 bilion pada tahun 2010 kini dijangka mencecah sekurang-kurangnya RM53 bilion untuk kedua-dua laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) dan laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP). Atas ketidakselarasan kos yang diragui masyarakat, Jawatankuasa ini boleh meneliti kos perbelanjaan bagi Fasa 1 Laluan SBK yang baru siap dibina dan beroperasi sepenuhnya sebelum memberikan penilaian secara objektif.

Ketiganya, Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) bukan sahaja mempunyai kos anggaran setinggi RM55 bilion yang akan dibiayai oleh Exim Bank China dalam bentuk pinjaman mudah, malah juga akan dibina oleh syarikat pembinaan terbesar di China iaitu China Communications Construction Co. (CCCC). Jawatankuasa ini patut merundingkan kesesuaian kontrak ECRL yang dianugerahkan kepada CCCC tanpa proses tender terbuka.

Jawatankuasa seperti ini bukanlah sesuatu ciptaan yang baru dan boleh dimodelkan berdasarkan Jawatankuasa Pilihan Pengangkutan di UK. Di sana, Jawatankuasa Pengangkutan ditugaskan oleh Dewan Rakyat untuk memeriksa perbelanjaan, pentadbiran dan dasar oleh Jabatan Pengangkutan dan badan-badan awam yang berkaitan.

Jawatankuasa sebegini mampu memastikan kos projek pengangkutan awam yang berdaya saing untuk kerajaan dan membawa ketelusan kepada masyarakat. Justeru, saya benar-benar meminta jasa baik Pejabat Perdana Menteri untuk mengizinkan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Pengangkutan Awam Darat. Terima kasih.

### 2.38 ptg.

#### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pengasingan kuasa yang diamalkan di badan berlainan yang terdiri daripada Badan Eksekutif, Badan Legislatif dan Badan Kehakiman. Melalui sistem sedia ada yang diamalkan, kini semua badan ini telah pun mempunyai ruang yang cukup untuk mengimbas, meneliti dan mengajukan pertanyaan kepada pihak yang lain. Bagi memastikan semak dan imbang atau, dengan izin, *check and balance* dilaksanakan.

Badan Eksekutif melaksanakan fungsi dan tugas bukanlah dengan sesuka hati atau sewenang-wenangnya tetapi tertakluk kepada tatacara dan prosedur-prosedur serta undang-undang yang digubal oleh Badan Legislatif. Manakala Badan Legislatif kini sememangnya mempunyai ruang luas seadanya untuk mengajukan persoalan kepada badan eksekutif berhubung tugas-tugas yang telah dilaksanakannya. Ahli-ahli Parlimen boleh mengajukan persoalan mereka melalui pertanyaan-pertanyaan lisan dan bukan lisan serta boleh membangkitkan persoalan sesuatu isu melalui perbahasan. Tidak cukup dengan itu, transformasi yang dilaksanakan Parlimen Malaysia juga membolehkan Ahli-ahli Parlimen untuk mengajukan pertanyaan berhubung isu semasa atau terkini melalui notis yang lebih singkat serta ruang yang lebih melalui usul untuk dibawa ke Kamar Khas seperti yang dibawa oleh Yang Berhormat Lembah Pantai hari ini.

Segala pertanyaan dan isu yang dibangkitkan juga telah dan akan dijawab oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensinya melalui anggota-anggota pentadbiran kerajaan. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakan-rakan anggota Kabinet yang lain mengamalkan dasar keterbukaan dan sentiasa bersedia untuk bertemu dengan mana-mana Ahli Yang Berhormat untuk berbincang atau mengadakan sesi konsultasi atau penerangan lanjut sekiranya difikirkan perlu oleh kedua-dua pihak.

Tambahan lagi, Parlimen pada tahun 2010 telah pun memberi mandat dan meluluskan penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk menambah baik pengangkutan awam supaya menjadi lebih efisien dan lebih cekap melalui perwujudan sistem pengangkutan awam yang terancang, berintegrasi, mudah diakses, mampu dibayar dan berdaya maju. Suruhanjaya ini juga boleh membentuk suatu Jawatankuasa Penyiasatan untuk menyiasat sebarang insiden berkaitan pengangkutan awam darat dan mengemukakan dapatan dan cadangan penyelesaian hasil daripada konsultasi semua *stakeholders*, dengan izin, terlibat. Oleh yang demikian, tiada kewajaran untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Parlimen terhadap perkara yang sama.

Berhubung dengan perkara-perkara yang telah diberikan contoh dalam ucapan Yang Berhormat sebentar tadi, ia telah pun dijelaskan beberapa kali oleh pihak kerajaan di Parlimen dan juga kepada umum. Sebagai contoh, penjelasan telah diberikan berulang kali berhubung dengan kos projek MRT Lembah Klang namun pertanyaan yang sama diulang seolah-olah pengaju pertanyaan tidak mendengar atau tidak mengendahkan fakta yang telah dikemukakan.

Hal yang sama juga akan berulang sekiranya satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen Bagi Menyelia Pengangkutan Awam Darat ditubuhkan. Persoalan yang sama akan diajukan oleh satu pihak manakala penjelasan yang sama akan diberikan oleh kerajaan.

Berhubung projek MRT, Kerajaan telah mewujudkan mekanisme perolehan kerja melalui, dengan izin, *One-Stop Procurement Centre* (OSPC) yang terbukti berkesan dimana kesemua pakej kerja diputuskan oleh OSPC1, OSPC2 dan OSPC3 yang bercirikan, dengan izin, *single point authority* untuk Projek MRT Laluan Satu. Di samping itu, kerajaan juga mewujudkan Keahlian *One-Stop Technical Committee* (OSTC) bagi tujuan menyelaraskan dan menentukan pakej-pakej kerja yang akan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Pengagihan kontrak untuk pembangunan Projek MRT Lembah Kelang adalah tertakluk kepada proses perolehan yang telus di mana semua pakej kerja telah di tender secara terbuka dan kompetitif. Proses penilaian untuk tender-tender Projek MRT Lembah Klang juga merupakan proses yang amat telus. Semua tender akan melalui beberapa tahap penilaian yang terdiri daripada:

- (i) Jawatankuasa Kerja yang akan menilai dari segi teknikal, komersial, undang-undang, kewangan dan program *Industrial Collaboration Programme* (ICP);
- (ii) Jawatankuasa Teknikal Sehati (*One-Stop Technical Committee*); dan
- (iii) Jawatankuasa Perolehan Sehati (*One-Stop Procurement Committee*).

Untuk proses penilaian tender, identiti penender adalah tidak diketahui sepanjang proses penilaian dan hanya akan dimaklumkan setelah pemenang tender berdasarkan *best evaluated tender* dikenal pasti.

Selain itu, MRT Corp. turut melantik juru audit bebas untuk membuat audit atas proses tender dua kali setahun, manakala Jabatan Audit Negara juga akan melakukan audit ke atas proses perolehan Projek MRT Lembah Kelang dua kali setahun. Sekiranya terdapat perkara yang diragui atau tidak memenuhi kriteria yang dirasakan perlu oleh Jabatan Audit Negara, ia akan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang mana Ahli-Ahli Parlimen serta orang awam mempunyai akses kepadanya.

Bagi isu perbezaan kos Projek MRT, sekali lagi saya ingin tegaskan bahawa Kerajaan telah pun menjelaskan sebelum ini bahawa perbandingan secara langsung antara kos yang dilaporkan di dalam akhbar pada tahun 2010 dan kos projek yang akhirnya dibangunkan tidak boleh dilakukan.

Justeru itu, pada masa ini, tiada keperluan untuk kita mengguna atau mengerahkan sumber tenaga, kewangan dan masa yang lebih untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen Bagi Menyelia Pengangkutan Awam Darat. Sekian, terima kasih.

### **Isu Tunggakan Gaji Pekerja Kontrak di Sekolah**

#### **2.41 ptg.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dasar kerajaan untuk memupuk usahawan bumiputera adalah antara sebab utama kontrak pembersihan sekolah-sekolah kerajaan diberikan kepada usahawan-usahawan bumiputera. Pada ketika ini, 150,000 pekerja pembersihan sekolah berkhidmat di bawah pengurusan kontraktor swasta. Malangnya, sebahagian daripada kontraktor pembersihan sekolah kurang bertanggungjawab terhadap pekerja mereka dan bila ini berlaku, keengganan pihak Kementerian Pendidikan (KPN) untuk melindungi pekerja kontrak adalah amat jelas.

Dalam kes Time Medi Enterprise, 35 orang pekerja pembersihan terus bekerja di tujuh sekolah di Ipoh tanpa gaji antara Mei hingga Disember 2015, selepas kontraktor mereka, Encik Meor Mohsin Onn bin Jaafar melarikan diri pada Mei 2015. Pekerja-pekerja bekerja atas nasihat PPD Kinta Utara yang berjanji gaji tertunggak akan dibayar. PIBG di beberapa buah sekolah juga menawarkan pinjaman RM300 sebulan pada pekerja ini.

Akan tetapi sampai sekarang pekerja Time Medi Enterprise belum menerima gaji Mei hingga Disember 2015. KPN menasihatkan pekerja kontrak menuntut gaji tertunggak daripada Jabatan Insolvency (JI) kerana segala bayaran untuk kontrak pembersihan telah dibayar kepada JI kerana Pengarah Time Medi Enterprise, Meor Mohsin telah jadi bankrap pada Julai 2015.

Meor Mohsin telah menghilangkan diri sejak 31 Mei 2015. Ini bererti dia sendiri memecahkan kontrak dengan KPN. Jadi bayaran untuk perkhidmatan pembersihan sekolah dari Jun 2015 hingga Disember 2015 tidak harus dibayar pada akaun Time Medi Enterprise di JI. Jika dibayar kepada Jabatan Insolvency, jumlah ini akan dibahagikan antara pemiutang-pemiutang yang lain dan pekerja pembersihan tidak akan dapat jumlah penuh gaji mereka.

Apakah sebabnya KPN begitu enggan membayar gaji tertunggak terus kepada pekerja pembersihan yang terlibat. Gaji mereka hanya RM1,000 sebulan dan mereka adalah di lapisan B40 yang kerajaan berhasrat membantu. Ini bukan bayaran kebajikan, mereka memang telah berkhidmat untuk tujuh bulan tanpa gaji.

KPN juga harus membayar tunggakan gaji minimum Januari hingga Ogos 2013 berjumlah RM1,600 seorang, yang harus dibayar oleh Time Medi Enterprise dan selepas itu dituntut balik daripada KPN. Bayaran ini tidak dilaksanakan oleh Time Medi Enterprise dan peruntukan ini masih di akaun KPN. Mengapa tunggakan ini tidak boleh dibayar terus kepada pekerja-pekerja yang terlibat?

Kami faham kerajaan berhasrat memupuk kapasiti usahawan bumiputera tetapi apakah salahnya memastikan kepentingan pekerja daripada kaum B40 tidak diancam. Mengapa tidak menggubal, dasar di mana jika kontrak pembersihan di sekolah tidak menunaikan bayaran gaji atau KWSP, kontraknya dihentikan serta-merta dan KPN sendiri melakukan bayaran yang harus dibayar kepada pekerja dan KWSP sebelum menawarkan kontrak ini kepada seorang kontraktor lain. Janganlah mengorbankan kepentingan pekerja B40 kerana berhasrat memupuk usahawan bumiputera. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Yang di Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat Sungai Siput terhadap kebajikan bekas pekerja kontrak di sekolah, khususnya yang melibatkan bekas pekerja Time Medi Enterprise. Pada kesempatan ini, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan tender perkhidmatan pembersihan sekolah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengikut prosedur yang ditetapkan pihak Perbendaharaan Malaysia. Tender dilaksanakan secara tender terbuka dan ditawarkan kepada semua syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Pemilihan syarikat dilakukan dengan penuh teliti bagi menjamin pelaksanaan kontrak sepenuhnya dan pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu kontrak dapat dilunaskan perjanjian kontrak yang dipersetujui antara kementerian dengan syarikat.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan perolehan perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) dan Kawalan Keselamatan (PKK) di sekolah-sekolah kerajaan bagi tempoh selama tiga tahun melalui tender terbuka. Berdasarkan syarat dan terma kontrak KBK dan PKK, pihak kontraktor telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan pekerja dan membayar gaji mengikut Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011. Tanggungjawab untuk melantik pekerja dan menjaga kebajikan pekerja terletak sepenuhnya ke atas pihak kontraktor berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh KPM. Bagi kontrak KBK, kontraktor perlu memastikan perkara-perkara berikut:

- (i) pekerja adalah warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 63 tahun sepanjang tempoh perjanjian tersebut;

- (ii) bagi pekerja yang berumur di antara 55 tahun sehingga 63 tahun, pihak kontraktor perlu mengemukakan laporan pemeriksaan kesihatan yang dijalankan setiap tahun. Hal ini supaya pekerja-pekerja yang dilantik tersebut adalah disahkan sihat untuk bekerja dan tidak menghidap penyakit berbahaya; dan
- (iii) selain itu, pihak kontraktor perlu memastikan bahawa pekerja yang dilantik tidak mempunyai sebarang rekod jenayah, tidak melibatkan diri dalam kegiatan penyalahgunaan dadah dan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menandatangani kontrak dengan Time Medi Enterprise pada 19 Disember 2012 untuk Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan bagi sekolah dan institusi pendidikan bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2015. Syarikat ini memberikan perkhidmatan di tujuh buah sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kinta Utara. Pada awalnya prestasi pekerja-pekerja syarikat ini baik, sehingga timbul isu pembayaran gaji pekerja yang berpunca daripada salah urus tadbir kewangan syarikat. Pihak syarikat juga didapati gagal menyediakan segala kemudahan daripada segi perkhidmatan dan bekalan peralatan kepada sekolah di bawah kendaliannya menyebabkan kualiti perkhidmatan pekerja-pekerja di bawah syarikat ini terjejas.

KPM telah memulakan proses penamatan syarikat Time Medi Enterprise melalui Notis Tujuan Penamatan bertarikh 23 April 2015 disebabkan prestasi syarikat tersebut yang tidak memuaskan. Bayaran terakhir yang telah dibuat ialah sehingga 31 Mei 2015 dan tiada sebarang pembayaran dibuat kepada syarikat itu selepas tarikh tersebut. Ini kerana syarikat tersebut tidak membuat tuntutan kepada PPD Kinta Utara. KPM telah menamatkan kontrak Time Medi Enterprise berkuat kuasa pada 1 November 2015.

KPM telah menerima Perintah Larangan Borang E di bawah seksyen 73, Akta Buruh 1995 untuk membayar sejumlah RM31,294.52 kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Ipoh atas tuntutan tunggakan gaji pekerja. Sehubungan dengan itu, KPM telah mendapatkan pengesahan pihak sekolah, sama ada tindakan denda atau pemotongan bayaran mahupun ganti rugi kerana pelanggaran terma dalam kontrak telah dijelaskan oleh syarikat sebelum pembayaran kepada JTK dilaksanakan.

Pada 4 Mac 2016, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak telah merampas sebahagian Bon Pelaksanaan Syarikat Time Medi Enterprise. Nilai rampasan berjumlah RM31,294.52 adalah berdasarkan tuntutan JTK dan wang bon pelaksanaan tersebut telah disalurkan kepada JTK Ipoh pada 21 Mac 2016 untuk tujuan pembayaran gaji kepada bekas pekerja Syarikat Time Medi Enterprise bagi perkara-perkara berikut:

- (i) bayaran baki gaji bulan Julai 2013 dan Ogos 2013;
- (ii) penyelesaian penuh dan muktamad gaji Disember 2014; dan
- (iii) bayaran gaji bulan Mei, Jun dan Julai 2015.

Tuan Yang di Pertua, perlu ditegaskan di sini bahawa pihak KPM tidak dapat membayar jumlah berkenaan terus kepada pekerja memandangkan Perintah Larangan telah dikeluarkan oleh pihak Pejabat Tenaga Kerja (PTK) dan kontrak KPM adalah dengan syarikat. Pada masa yang sama, pihak PTK pula tidak dapat melaksanakan bayaran terus kepada pekerja-pekerja yang terlibat seperti mana proses biasa memandangkan kes ini melibatkan isu kebangkrapan di bawah bidang kuasa Jabatan Insolvensi Malaysia.

Berdasarkan surat Ibu Pejabat Jabatan Insolvensi kepada Pejabat Insolvensi Ipoh bertarikh 29 Ogos 2016, telah diputuskan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) bagi kes Vinayaganathan A/L Kalimuthu dan 14 orang lain, mereka adalah layak kepada keutamaan RM1,000 seorang. Sejumlah RM15,000 perlulah diserahkan kepada Pejabat Tenaga Kerja bagi diagihkan kepada pengadu dan baki selebihnya perlu diserahkan kepada Jabatan Insolvensi. Pihak pengadu hendaklah memfailkan Borang Bukti Hutang (POD) ke atas bankrap bagi menuntut baki tuntutan;

- (ii) bagi kes Meenachi Sundramal A/P Karuppan dan kes Harminah binti Pandak Harun, pihak pengadu hendaklah memperakui tuntutan mereka dalam kebangkrapan secara POD; dan
- (iii) baki wang selebihnya iaitu RM16,294.52 hendaklah diserahkan oleh Pejabat Tenaga Kerja Ipoh kepada Jabatan Insolvensi.

Justeru, kementerian berpandangan, isu tunggakan gaji pekerja ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Insolvensi dan pihak pekerja disaran untuk memfailkan tuntutan hutang kepada Jabatan Insolvensi bagi membolehkan tuntutan mereka diselesaikan.

Berhubung dengan tunggakan gaji pekerja, berdasarkan rekod PTK Ipoh, terdapat tiga kes buruh melibatkan tuntutan tunggakan gaji 17 orang pekerja yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Buruh ke atas pemilik syarikat antara Mei 2014 hingga Disember 2015. Jumlah tersebut menunjukkan terdapat sebilangan pekerja tidak mengemukakan tuntutan tunggakan gaji kepada pihak PTK.

Tuan Yang di Pertua, berkaitan dengan tunggakan gaji minimum bagi Januari hingga Ogos 2013, prosedur telah menetapkan supaya pihak syarikat perlu membayar terlebih dahulu gaji minimum kepada pekerja sebelum mengemukakan tuntutan balik kepada kerajaan bersama dokumen-dokumen sokongan yang telah ditetapkan. Perkara ini dilaksanakan oleh semua kementerian atau jabatan memandangkan kerajaan menandatangani kontrak dengan pihak syarikat.

Berkaitan dengan dakwaan bahawa pekerja bekerja atas nasihat PPD Kinta Utara yang berjanji gaji tertunggak akan dibayar adalah tidak benar. PPD Kinta Utara tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan secara rasmi mengenai pembayaran gaji tertunggak kepada pihak pekerja berkenaan. Dalam hal ini, KPM sentiasa memastikan segala urusan rasmi kerajaan dijalankan mengikut prosedur kerja yang ditetapkan dan pegawai kementerian sentiasa maklum dalam bidang tugas mereka.

Dakwaan mengatakan pihak sekolah memberi bantuan dalam bentuk pinjaman kepada pekerja syarikat itu juga tidak berasas. Siasatan KPM mendapati pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pihak sekolah berkenaan cuma memberikan sugu hati kepada pekerja-pekerja tersebut sebagai sumbangan ihsan bagi meringankan beban pekerja-pekerja ini. Kebajikan bekas pekerja syarikat ini terus dibela secara tidak langsung oleh pihak sekolah dan PPD Kinta Utara. Pihak sekolah telah menawarkan kepada bekas pekerja syarikat yang masih mahu berkhidmat untuk terus bekerja di bawah kendalian syarikat baru. Sebilangan bekas pekerja syarikat ini masih terus berkhidmat di sekolah-sekolah yang pernah dikendalikan oleh syarikat ini walaupun ada sebilangan daripada mereka yang telah meletak jawatan atau berhenti dan bekerja di tempat lain.

Tuan Yang di Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha menguatkuasakan kontrak-kontrak di bawah kementerian termasuk perkhidmatan pembersihan dilakukan secara berterusan. Bagi memantapkan pemantauan oleh pihak sekolah ataupun institusi pendidikan terhadap kontraktor perkhidmatan, KPM telah mengeluarkan surat arahan pentadbiran pada bulan Mei 2015 dan Buku Panduan Pengurusan Kontrak pada bulan Jun 2015 kepada semua sekolah dan institusi pendidikan untuk dijadikan rujukan dalam menguatkuasakan kontrak. Selain daripada itu, bagi memantau prestasi kontraktor secara keseluruhan, KPM telah mengeluarkan garis panduan pemantauan prestasi pada bulan April 2016 untuk digunakan oleh pihak sekolah dan institusi pendidikan.

Kementerian ingin menegaskan bahawa penawaran kontrak pembersihan sekolah adalah mengikut prosedur sedia ada dan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan untuk menjaga kepentingan semua pihak termasuk pekerja syarikat. Sehubungan dengan itu, KPM akan meneruskan amalan ini, memandangkan perolehan tender bagi perkhidmatan berkenaan pada masa ini telah dapat dilaksanakan dengan berkesan dan lebih telus. Walau bagaimanapun, dalam kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, KPM akan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Insolvensi Negara dan Pejabat Tenaga Kerja bagi membela nasib bekas pekerja Time Medi Enterprise. Sekian, terima kasih.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.52 petang.]***